

27 JUN 1998

KLIA-Reaksi

KLIA DISIFATKAN LAPANGAN TERBANG PALING MODEN

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Para pemimpin kerajaan dan diplomat asing menyifatkan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar malam ini sebagai lapangan terbang terbaik lagi termoden di dunia yang dibina pada kos yang rendah.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata buat masa ini, tiada mana-mana lapangan terbang di dunia yang boleh dibandingkan dengan KLIA daripada segi rekabentuk dan sistem pengurusan menyeluruh.

"Lapangan terbang ini akan membawa banyak perubahan kepada negara. Ia akan membawa masuk banyak pelancong dan juga pembangunan di dalam dan di sekitar lapangan terbang," kata beliau kepada pemberita di KLIA, Sepang, dekat sini malam ini.

Beliau juga menyeru rakyat jangan bimbang atau terpengaruh dengan dakwaan bahawa lapangan terbang itu ialah projek yang membazir.

"Rakyat Malaysia seharusnya gembira kerana kita dapat menyiapkan lapangan terbang ini dengan kos yang rendah," kata beliau.

Olavo D. Machado, Atase Awam dan Ekonomi Kedutaan Uruguay di sini berkata, lapangan terbang itu "satu usaha besar oleh Malaysia."

Beliau berkata, KLIA boleh memberikan sumbangan besar kepada industri pelancongan di negara di samping perdagangan antarabangsa.

Duta Palestin ke Malaysia, Ahmed Al-Farra berkata pembukaan KLIA satu lagi babak dalam pencapaian Malaysia.

"Saya sangat kagum. Lapangan terbang itu canggih. Saya gembira kerana dapat menyaksikan satu pencapaian besar Malaysia," katanya.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat berkata lapangan terbang itu akan membuka peluang kepada lebih banyak pelaburan dan modal dari luar ke negara ini.

"Syukurlah KLIA dapat dibuka walaupun ditengah kegawatan ekonomi. Semoga ia dapat menjadi gerbang kemasukan modal ke Malaysia," katanya.

Anggota Parliaman bagi kawasan Sepang, Seripah Noli Syed Hussin berkata sejak KLIA mula dibina ia membuka lebih 30,000 peluang pekerjaan kepada penduduk sekitarnya.

"Penduduk Sepang sudah bersedia untuk menghadapi cabaran dan peluang yang datang dengan pembukaan KLIA ini," katanya ketika ditemui di KLIA.

Sementara itu Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli mahu menjadikan KLIA sebagai pintu masuk utama ke negara ini.

Lapangan terbang berharga RM9 bilion itu akan memberi gambaran yang baik mengenai Malaysia di mata dunia, katanya.

Beliau berkata, MAS akan memulakan operasinya dari KLIA pada Isnin ini dengan penerbangan pertama menggunakan pesawat B777 ke Langkawi pada 7 pagi membawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

TEAM PR